



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA



E-BUKU PANDUAN MAJLIS KONVOKESYEN POLITEKNIK IBRAHIM SULTAN KALI KE-25 2020

JAWATANKUASA PENGURUSAN GRADUAN
MAJLIS KONVOKESYEN POLITEKNIK IBRAHIM SULTAN
KALI KE-25

1. PENYERTAAN KE MAJLIS KONVOKESYEN.

1.1 Penyertaan graduan ke Majlis Konvokesyen dan tuntutan Ijazah/Diploma/ Sijil **hanya sah** setelah menyempurnakan perkara- perkara berikut:-

- i. Menjelaskan bayaran penuh penyertaan Majlis Konvokesyen. (Rujuk perkara 2 dibawah).
- ii. Menghantar maklumbalas iaitu “**Borang Jawapan Graduan**” sebelum atau pada **2 Mac 2020 (Isnin)**.
- iii. Mengisi sistem kajian pengesanan graduan (SKPG). Sila rujuk laman web konvo PIS.

(Nota : **Borang Jawapan Graduan** mesti dikembalikan ke **Politeknik Ibrahim Sultan** walaupun graduan **TIDAK HADIR** semasa Majlis Konvokesyen Kali Ke-25 untuk mengelakkan sebarang kesulitan dalam pengurusan sijil/transkrip graduan.)

1.2 Graduan yang hadir konvo **WAJIB** mengikuti sesi berikut :-

- i. Pendaftaran Graduan.
- ii. Raptai Konvokesyen.
- iii. Majlis Konvokesyen

2. BAYARAN KONVOKESYEN PIS KALI KE- 25

2.1 Semua graduan dikenakan bayaran konvokesyen sebanyak **RM 250.00 (hadir)** dan **RM 200.00 (tidak hadir)**.

(Nota : Bayaran konvo adalah termasuk **Yuran Alumni** sebanyak **RM50.00**).

2.2 Pembayaran boleh dibuat melalui cawangan **BANK ISLAM (Sila Gunakan Slip Pembayaran)**. Bayaran dilakukan melalui dikaunter BIMA di atas nama **KOPERASI POLITEKNIK IBRAHIM SULTAN BHD. (AKAUN KONVO)**.
No. akaun : **0108-7010-0191-47**.

(Nota : Pembayaran melalui *Cash Deposit Machine* (CDM) atau ATM tidak dibenarkan. Sekiranya membuat pembayaran menerusi Perbankan Internet, sila cetak sebagai bukti bayaran.)

2.3 Slip pembayaran Bank Islam

- i. Salinan pertama : Simpanan Bank Islam
- ii. Salinan Kedua : Pos bersama kad
- iii. Salinan Ketiga : Simpanan graduan

(Nota: Sila *snap* salinan resit bayaran dalam **telefon bimbit** graduan*)

2.4 Slip pembayaran menerusi perbankan internet, sila cetak 2 salinan resit transaksi tersebut untuk urusan pendaftaran dan pengambilan jubah .

- 2.5 Graduan yang masih berhutang atau belum menjelaskan saman **masih boleh menyertai Majlis Konvokesyen** tetapi Ijazah/Diploma /Sijil akan ditahan oleh Unit Peperiksaan PIS sehingga bayaran dijelaskan.

3. PENDAFTARAN GRADUAN

- 3.1 Pendaftaran graduan dibuat pada sebelah pagi sebelum acara raptai bermula.
- 3.2 Lokasi pendaftaran adalah di **Ruang Legar CDeC**
- 3.3 Graduan yang tidak melalui proses pendaftaran tidak akan dibenarkan menyertai Majlis Konvokesyen.

4. RAPTAI KONVOKESYEN

- 4.1 Raptai Majlis Konvokesyen Kali Ke-25 adalah **WAJIB** dihadiri bagi memastikan kelancaran dan protokol Majlis Konvokesyen yang mesti dipatuhi oleh setiap graduan.
- 4.2 Raptai ini akan diadakan di **Dewan Tunku Laksamana Abdul Jalil**, Politeknik Ibrahim Sultan selepas selesai proses pendaftaran graduan. **(Rujuk aturcara majlis di Portal Rasmi PIS.)**

5. MAJLIS KONVOKESYEN

- 5.1 Semua graduan dikehendaki berkumpul di **Dataran Perpustakaan PIS** atau tempat yang akan ditentukan.
- 5.2 Graduan dikehendaki hadir diri lebih awal atau selewat-lewatnya **15 minit** sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi mengelakkan dari dihalang dari menyertai Majlis Konvokesyen.
- 5.3 Semasa majlis berlangsung, graduan, ibu, bapa atau penjaga dikehendaki menghormati Majlis Konvokesyen dengan penuh adab dan mematuhi protokol.
- 5.4 Graduan, ibu, bapa atau penjaga dilarang meninggalkan dewan sebelum dan semasa Majlis Konvokesyen sedang berlangsung.

6. SAHSIAH DAN RUPADIRI GRADUAN

- 6.1 Sahsiah Dan Rupidiri Semasa Pendaftaran Dan Acara Raptai
 - i. Semua graduan mesti berpakaian kemas dan menampilkan perwatakan menarik, matang, sopan serta bersesuaian.
 - ii. Graduan **DILARANG TEGAS** memakai seluar jenis **“jeans”, selipar, capal** dan **‘T-shirt’ tanpa kolar** semasa pendaftaran.
 - iii. Graduan lelaki hendaklah berambut pendek dan graduan wanita Islam hendaklah menutup aurat (bertudung) atau bagi yang bukan beragama Islam, rambut disisir rapi, kemas dan **tidak diwarnakan**.

6.2 Etika Berpakaian Semasa Majlis Konvokesyen.

A. **Graduan Lelaki.**

- i. Graduan beragama Islam **digalakkan** berpakaian kebangsaan lengkap berwarna hitam (songkok, baju, seluar, berbutang, samping serta kasut kulit berwarna hitam) atau,
- ii. Baju kemeja lengan panjang berwarna putih, berseluar 'slack' hitam / gelap dan bertali leher. **Pemakaian Blazer adalah diwajibkan.**
- iii. Graduan kaum **Sikh** dibenarkan memakai 'turban'. Hanya turban yang **berwarna hitam** dibenarkan.
- iv. Graduan **tidak** dibenarkan memakai **tali bow (bowtie)**.
- v. **Berambut pendek**, kemas dan **tidak diwarnakan**.



Gambar 1 : Rupa diri, pakaian dan rambut graduan lelaki.

B. Graduan Wanita.

- i. Graduan Wanita dibenarkan memakai Baju Kurung atau Kebaya Labuh warna bebas. Bagi graduan wanita beragama Islam hendaklah mengenakan **tudung** berwarna **krim atau putih**. Pakaian perlu bersesuaian dengan protokol majlis.
- ii. Bagi graduan bukan beragama Islam dibenarkan berpakaian sopan, tidak ketat, tidak jarang, tidak berbelah dan tidak terdedah. Baju mestilah berlengan dan sekiranya memakai **skirt** hendaklah labuh melepasi **di bawah paras lutut**.



Gambar 2 : Rupa diri, pakaian dan rambut graduan wanita (tudung warna putih/cream dan kasut bertumit bertutup)

6.3 Kasut

- i. Graduan hendaklah memakai kasut yang bersih dan bersesuaian (bahagian depan kaki bertutup), **sandal, capal atau kasut sukan** tidak dibenarkan sama sekali. Penggunaan **kasut kulit berwarna hitam** atau gelap amat digalakkan.



Gambar 3 : Jenis-jenis kasut yang tidak dibenarkan.

7. URUSAN JUBAH

7.1 Peminjaman Jubah

- i. Salinan slip bayaran Bank Islam perlu ditunjukkan kepada Urusetia Jubah semasa peminjaman dibuat.
- ii. Lokasi pengambilan jubah adalah di **Perpustakaan Politeknik Ibrahim Sultan**
- iii. Waktu peminjaman jubah adalah seperti berikut :-

Jabatan	Tarikh	Masa
JKE / JPH (Sidang 1 & 2)	07 Mac 2020 (Sabtu)	10.00 a.m – 12.00 p.m
JKM / JRKV (Sidang 3 & 4)		04.00 p.m – 06.0 .m

7.2 Pemulangan Jubah

- i. Jubah hendaklah dipulangkan sebaik sahaja Majlis Konvokesyen selesai.
- ii. Kegagalan memulangkan jubah akan menyebabkan Ijazah / Diploma / Sijil ditahan oleh Unit Peperiksaan.
- iii. Jubah yang **hilang atau rosak** akan dikenakan bayaran gantirugi sebanyak **RM250.00** setiap satu.

iv. Waktu pemulangan jubah adalah seperti berikut :-

Jabatan	Tarikh	Masa
JKE	8 Mac 2020 (Ahad)	12.00 – 02.00 p.m
JPH		04.00 – 06.00 p.m
JKM	9 Mac 2020 (Isnin)	12.00 – 02.00 p.m
JRKV		04.00 – 06.00 p.m

8. PENGAMBILAN DIPLOMA DAN SIJIL

- 8.1 Graduan boleh mengambil Ijazah / Diploma / Sijil masing- masing sebaik sahaja Majlis Konvokesyen selesai dan membuat pengesahan pemulangan jubah.
- 8.2 Ijazah / Diploma / Sijil yang **akan diposkan** oleh Unit Peperiksaan PIS kepada graduan yang **TIDAK HADIR** ke Majlis Konvokesyen. Sila hubungi **07-261 1051 / 2016 / 1081** bagi sebarang pertanyaan.

9. TEMPAT LETAK KENDERAAN

- 9.1 Graduan, ibu bapa atau penjaga hendaklah meletakkan kenderaan di tempat letak kenderaan yang telah disediakan atau diarahkan.
- 9.2 Sila patuhi arahan pegawai keselamatan yang bertugas bagi mengelak kesesakan lalulintas.

10. PAS MASUK MAJLIS KONVOKESYEN

- 10.1 Disebabkan tempat yang terhad dan bilangan graduan yang ramai, hanya satu (1) keping pas masuk ke dewan diberikan untuk kebenaran masuk bagi dua (2) orang dewasa sahaja (ibu bapa atau penjaga).
- 10.2 **Kanak-kanak berumur bawah 12 tahun tidak dibenarkan masuk.** Walaubagaimana pun, pihak PIS menyediakan ruangan untuk ahli keluarga menonton siaran secara langsung di luar dewan.
- 10.3 Suhu dewan adalah sejuk, ibu, bapa atau penjaga digalakkan untuk berpakaian yang bersesuaian dengan majlis.
- 10.4 Ibu bapa atau penjaga diminta supaya mengambil tempat duduk masing-masing **sebelum jam 7.50 pagi ATAU 1.45 petang** pada hari majlis konvokesyen.
- 10.5 Pas masuk dewan mesti dibawa dan ditunjukkan kepada petugas. Pihak PIS memohon maaf sekiranya terdapat ibu, bapa atau penjaga yang tidak dibenarkan masuk ke dalam dewan kerana tempat adalah terhad.
- 10.6 Mohon kerjasama ibu, bapa atau penjaga agar **tidak meninggalkan** dewan semasa Majlis Konvokesyen sedang berlangsung.

11. SESI BERGAMBAR (FOTOGRAFI)

- 11.1 Pihak PIS menyediakan **perkhidmatan fotografi** semasa Majlis Konvokesyen berlangsung.
- 11.2 Syarikat luar telah diberikan tanggungjawab mengambil gambar graduan semasa menerima Ijazah/Diploma/Sijil dan urusan selanjutnya (penyerahan gambar) **adalah tanggungjawab syarikat berkenaan.**
- 11.3 Semasa Majlis Konvokesyen sedang berlangsung graduan dan tetamu **dilarang** mengambil gambar di dalam atau di luar dewan bagi memastikan kelancaran majlis.

12. BARANG-BARANG PERSENDIRIAN

- 12.1 Pihak PIS tidak bertanggungjawab sekiranya berlaku kehilangan atau kerosakan barangan peribadi.
- 12.2 Graduan dan tetamu adalah diingatkan supaya ***tidak membawa masuk*** ke dalam dewan seperti **makanan, minuman atau barangan persendirian yang boleh mengganggu perjalanan Majlis Konvokesyen** seperti *beg, kamera, telefon bimbit, sebarang peranti atau alatan elektronik* dan sebagainya.
- 12.3 Sila matikan atau tukar kepada **Mod Senyap (*Silent Mode*)** sekiranya membawa masuk alatan elektronik seperti telefon bimbit, *“tablet”* dan lain-lain.

13. KUASA POLITEKNIK IBRAHIM SULTAN

13.1 Graduan yang **tidak mematuhi syarat dan arahan** yang telah ditetapkan terutama tatacara berpakaian atau penampilan diri yang tidak bersesuaian dengan majlis **adalah dilarang atau ditahan** daripada mengikuti Majlis Konvokesyen.

13.2 Sebarang keputusan mengenai larangan yang telah dikeluarkan adalah muktamad.

13.3 Justeru itu pihak Politeknik Ibrahim Sultan, mohon kerjasama semua graduan agar mematuhi segala peraturan yang dinyatakan menerusi buku panduan ini dan menerima teguran sekiranya diberi oleh mana-mana pegawai.

14. PENGINAPAN

Penginapan di sepanjang konvokesyen adalah tanggungjawab graduan. Pihak Politeknik Ibrahim Sultan tidak menyediakan sebarang penginapan. Ibubapa dan graduan boleh melihat senarai hotel berhampiran politeknik di laman sesawang kami www.pis.edu.my, carian (PELAWAT - Senarai Hotel) untuk bantuan kemudahan penginapan.

15. HAL-HAL LAIN

Sila hubungi jika terdapat sebarang pertanyaan yang berkaitan dengan urusan berikut:-

- a. Jawatankuasa Pengurusan Graduan
Zarina Binti Mohd Suhaimi : 07-261 2060 / 1070
- b. Jawatankuasa Pengesanan Graduan
Mohamad Noh Bin Ahmad : 07-261 2752
- c. Jawatankuasa ALUMI PIS
Mohd Faridzen Bin Hj Tohit : 07-261 2813

Sebarang urusan surat menyurat, sila hantarkan kepada alamat berikut :

Pengarah,
Politeknik Ibrahim Sultan,
KM 10 Jalan Kong Kong,
81700 Pasir Gudang,
Johor Darul Takzim.
(u.p : Jawatankuasa Pengurusan Graduan)
Faks : 07-261 2402
E-mail : pisjhep17@gmail.com

Sila rujuk halaman portal rasmi Politeknik Ibrahim Sultan di
www.pis.edu.my jika terdapat sebarang perubahan atau makluman terkini.

“TAHNNIAH DAN SELAMAT MAJU JAYA”